

BULETIN SUKAN

EDISI NOVEMBER DAN DISEMBER 2024



UPM PERTAHAN JUARA KESELURUHAN VARSITY TRACK AND FEILD (VTF) 2024

Pasukan Universiti Putra Malaysia berjaya pertahan gelaran Juara Keseluruhan Varsity Track and Field (VTF) 2024 selepas berjaya merangkul 20 Emas, 6 Perak dan 9 Gangsa di Varsity Track and Field 2024 Grand Final bertempat di Stadium UniSZA, Terengganu pada 8 hingga 10 November 2024. Lebih menggembirakan lagi apabila gelaran Olahragawan dan Olahragawati berjaya dibolot oleh atlet UPM. Kamal Farhan bin A. Rahman dinobatkan sebagai olahragawan selepas berjaya merangkul 2 Emas bagi acara Lontar Peluru (rekod baru kejohanan: 15.79m) dan Lempar Cakera (37.89m). Nani Sahirah Maryata pula dinobatkan sebagai olahragawati apabila merangkul 2 Emas bagi Lontar Peluru (Rekod Kebangsaan: 15.70m) dan Lempar Cakera (37.89m). Untuk makluman, 4 rekod kejohanan telah berjaya dipecahkan oleh atlet UPM iaitu:

1. Mandy Goh Li, 400m Lari Berpagar (W): 61.86s
2. 4 x 400m (W): 4:04.25s
3. Kamal Farhan A. Rahman, Lontar Peluru (L): 15.76m
4. Nani Sahirah Maryata, Lontar Peluru (W): 15.70m (rekod kebangsaan)



BAHAGIAN PENGEMBANGAN ATLET DAN STAF

JAWATANKUASA BULETIN SUKAN UPM

Penasihat: En. Muhammad Malik bin Ahmad Tobias | Ketua Editor: Pn. Nor Haya binti Yaakob | Editor: Zawin Nadjah binti Mohamad Hatta

MAJLIS PERASMIAN DAN LARIAN MERENTAS KAMPUS KEJOHANAN SUKAN KOLEJ UPM (SUKPRA) SESI 2024/2025



Telah berlangsung Majlis Perasmian dan Larian Merentas Kampus Kejoohan Sukan Kolej UPM (SUKPRA) sesi 2024/2025. Majlis telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Amini Amir Abdullah, Pengerusi Jemaah Pengetua Kolej. Majlis ini juga turut dihadiri juga oleh pengetua pengetua serta wakil-wakil dari setiap Kolej Kediaman. Terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Keselamatan Universiti Putra Malaysia(BKU), Pusat Kesihatan Universiti Putra Malaysia (PKU) dan Akademi Sukan UPM kerana telah menjayakan majlis ini. Untuk makluman Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee (KTMB) muncul juara bagi kategori Lelaki Individu, Kolej 14 juaran bagi kategori Wanita Individu, Kolej 10 juara kategori Lelaki Berpasukan dan Kolej Tun Dr Ismail juara bagi Kategori Wanita Berpasukan. **BPAS**

KURSUS ASAS “STRENGTH AND CONDITIONING”



Telah berlangsung Kursus Asas “Strength and Conditioning” anjuran Makmal Pembangunan Pembangunan Inovasi, Akademi Sukan pada 18 hingga 19 November 2024. Untuk makluman, kursus tersebut telah disertai seramai 30 orang pegawai yang terdiri dalam kalangan penggiat sukan, jurulatih, pengurus pembangunan teknikal sukan, Fisioterapi dan penggiat sukan tanah air. Objektif Kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan serta membantu peserta menyediakan perancangan latihan Strength and Conditioning melalui pembangunan dan penyesuaian fizikal berteraskan saintifik serta memberikan pengetahuan berkaitan Teknik senaman dan pergerakan yang betul bagi meningkatkan prestasi atlet dan pasukan dalam usaha untuk mengurangkan kadar kecederaan.

Kursus ini telah dikendalikan oleh Pakar Neuroscience Prof. Madya Dr. Victor Selvarajah A/L Selvanayagam, dari Universiti Malaya dan telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohammad Hamiruce bin Marhaban, Pengarah Akademi Sukan. Turut serta Dr Eugene Koh Timbalan Pengarah Bahagian Akademik dan Penyelidikan, Akademi Sukan serta Pegawai dan staf Akademi Sukan UPM.

KURSUS “SPORTS PERFORMANCE ANALYSIS”



Telah berlangsung Kursus Sports Performance Analysis anjuran Makmal Pembangunan Pembangunan Inovasi, Akademi Sukan pada 26 hingga 27 November 2024. Untuk makluman, kursus tersebut telah disertai seramai 15 orang pegawai yang terdiri dalam kalangan penggiat sukan, jurulatih, pengurus pembangunan teknikal sukan, Fisioterapi dan penggiat sukan tanah air. Objektif Kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan serta membantu peserta untuk membuat analisis prestasi Atlet melalui teknologi terkini dalam sukan untuk mengenalpasti kelemahan serta kekuatan pasukan semasa pertandingan selain memberi kemahiran penggunaan salah satu software analisis permainan yang boleh membantu jurulatih/pemain industri sukan membuat Analisis Prestasi Pemain/pasukan. Kursus ini telah dikendalikan oleh Pakar Performance Analysis iaitu Dr. Norasrudin bin Sulaiman, dari Universiti Teknologi Mara (UITM) dan telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohammad Hamiruce bin Marhaban, Pengarah Akademi Sukan. Turut serta Dr Eugene Koh Timbalan Pengarah Bahagian Akademik dan Penyelidikan, Akademi Sukan serta Pegawai dan staf Akademi Sukan UPM.

BAHAGIAN AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN

Pertanian • Inovasi • Kehidupan

Berilmu Berbakti

SEPAKTAKRAW UPM DINOBAHKAN JUARA KESELURUHAN DI KEJOHANAN VARSITY SEPAKTAKRAW LEAGUE



Kejohanan Varsity Sepaktakraw League (Grand Final) 2024 telah melabuh tirai yang berlangsung pada 19 hingga 22 Disember 2024 bertempat di Dewan Kompleks Kejuruan, Presint 11, Putrajaya. Universiti Putra Malaysia (UPM) sekali lagi berjaya muncul juara keseluruhan untuk edisi 2024 ini. Bertambah manis lagi apabila Ahmad Sufi Mohamed Hashim, jurulatih UPM telah dinobatkan sebagai jurulatih terbaik. Untuk makluman, Pasukan UPM A berjaya merangkul pingat perak dan UPM B merangkul pingat gangsa bagi acara Regu Premier. Manakala, UPM B merangkul pingat gangsa untuk acara Beregu Premier. Tahniat dan syabas sekali lagi pasukan sepaktakraw UPM. **BAHAGIAN PENGEMBANGAN ATLET DAN STAF**

LAWATAN DELEGASI AKADEMI SUKAN UPM KE INSTITUT SUKAN NEGARA MALAYSIA (ISN)



Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan sesi lawatan ke Institut Sukan Negara Malaysia (ISN) bagi tujuan mengadakan perbincangan dan pertukaran idea serta kepakaran disamping melihat teknologi Sukan, fasiliti Sukan serta ruang kerjasama dalam bidang penyelidikan bagi membantu pembangunan prestasi atlet samada di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) mahupun di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sesi lawatan ini diketuai oleh Profesor Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban, Pengarah Akademi Sukan, UPM, Dr. Eugene Koh Boon Yau, Timbalan Pengarah, Bahagian Akademik dan Penyelidikan Akademi Sukan UPM dan pegawai-pegawai dari Akademi Sukan UPM. Kunjungan delegasi dari Akademi Sukan UPM telah disambut oleh Encik Ahmad Faedzal Md Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Sukan Negara Malaysia (ISN) dan Pegawai-pegawai Institut Sukan Negara Malaysia (ISN). Dengan perancangan jalinan kerjasama ini sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dalam memajukan Sukan Negara ke peringkat yang lebih tinggi. **BAHAGIAN AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN**

MAJLIS PENUTUP DAN MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU GERAN SOSIAL ANTARA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BAGI PROJEK SPORTS MOBILE CAFE

Telah berlangsung Majlis Penutup dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Geran Sosial antara Kementerian Kewangan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia bagi projek Sports Mobile Cafe bertempat di Bangunan Canselor Putra, Universiti Putra Malaysia pada 2 Disember 2024.

Majlis dan mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia. Turut hadir YBhg. Dato' Indera Ab. Rahim bin Ab Rahman, Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan - SBPK, Kementerian Kewangan Malaysia, YBrs. Encik Fakhrunrozi Bin Jamaludin, Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan - TSK (K), Kementerian Kewangan Malaysia, YBrs. Dr. Hanafiah bin Ayub, Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Pendidikan Tinggi, YBrs. Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban, Pengarah Akademi Sukan, UPM, Puan Nor Azura binti Mohd Yusof, Ketua Seksyen, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia, pegawai projek serta peserta Sports Mobile Cafe.



MAJLIS PENGHARGAAN ATLET SUKUM 2024



Telah berlangsung Majlis Penghargaan Atlet SUKUM 2024 bertempat di Foyer Dewan Taklimat Serdang, Universiti Putra Malaysia. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Naib Canselor, UPM. Turut hadir memeriahkan majlis YBhg. Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban, Pengarah Akademi Sukan UPM bersama Dr Eugene Koh Boon Yau, Timbalan Pengarah Bahagian Akademik dan Penyelidikan dan En. Muhammad Malik Ahmad Tobias, Timbalan Pengarah Bahagian Pengembangan Atlet dan Staf, Akademi Sukan, UPM. Turut bersama yang diraikan iaitu para atlet SUKUM Universiti Putra Malaysia. **BAHAGIAN PENGEMBANGAN ATLET DAN STAF**

20th WORLD PENCAK SILAT CHAMPIONSHIP 2024



Sekalung tahniah dan syabas buat dua atlet pencak silat Universiti Putra Malaysia iaitu Nor Farah bin Mazlan telah berjaya merangkul pingat emas bagi acara 'A Female' dan Nur Haizatul Farisha binti Norashid berjaya merangkul pingat Perak bagi acara Regu Wanita di 20th World Pencak Silat Championship 2024. Kedua-dua atlet merupakan mahasiswa Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Kejohanan ini telah berlangsung pada 18 hingga 22 Disember 2024 bertempat di Abu Dhabi, UAE.

BAHAGIAN PENGEMBANGAN ATLET DAN STAF

MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN DAN PENGHARGAAN ATLET UPM 2024



Telah berlangsung Majlis Apresiasi Kecemerlangan Dan Penghargaan Atlet UPM 2024 dengan jayanya. Majlis ini telah dihadiri oleh para atlet UPM sebagai penerima insentif dan sijil penghargaan bertempat di Pusat Kebudayaan & Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.


Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. En. Muhazam Mansor, Pendaftar UPM yang mewakili Naib Canselor UPM. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pegawai-Pegawai Kanan Universiti yang terdiri daripada Dekan-Dekan Fakulti, Pengetua-Pengetua Kolej dan pegawai utama pentadbiran UPM.

Untuk makluman, majlis ini diadakan bagi menghargai atlet UPM yang mewakili kontinjen Malaysia di Temasya Sukan Olimpik Paris 2024, Asian University Wushu Championships 2024 serta Kejohanan Sukan Universiti Asean (AUG) Surabaya-Malang 2024. Turut dihargai para atlet yang beraksi di Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT). **BAHAGIAN PENGEMBANGAN ATLET DAN STAF**

***"YOUR TALENT DETERMINES WHAT YOU CAN DO.
YOUR MOTIVATION DETERMINES
HOW MUCH YOU ARE WILLING TO DO.
YOUR ATTITUDE DETERMINES HOW WELL YOU DO IT."***

LOU HOLTZ

STATISTIK PENGGUNAAN FASILITI SUKAN MENGIKUT TEMPAHAN 2024



PELAJAR	STAF	AWAM
1877	923	804
51%	24%	25%
JUM. TEMPAHAN		
3604		

Berikut merupakan statistik penggunaan fasiliti sukan mengikut tempahan sepanjang tahun 2024. Jumlah tempahan diterima pada tahun 2024 adalah 3604 yang 51% penggunaan daripada pelajar, 25% penggunaan daripada orang awam dan selebihnya penggunaan daripada staf UPM iaitu 24%.

BAHAGIAN PERUNDINGAN, JARINGAN KOMUNITI & PEMBANGUNAN

AKTIVITI SEKSYEN PERUNDINGAN JARINGAN INDUSTRI DAN KOMUNITI BAGI TAHUN 2024



BAHAGIAN PERUNDINGAN, JARINGAN KOMUNITI & PEMBANGUNAN